

Youth - Juvenile  
Delinquency

Abuse - Sex Abuse

P: 115-117 P. 88-96

# HANTU MOTOSIKAL

**Hikmah pepatah: sayangkan anak tangan-tangankan!**  
**Dalam zaman moden ini, bukanlah ditangan-tangankan, tetapi diberi ruang untuk melatih diri menjalani kehidupan penuh disiplin dan penuh harapan, walaupun harus berpisah jauh dari keluarga.**

## TERDORONG ATAU SENGGAJA BERLAGAK?

**K**US utama yang diberikan oleh hampir seluruh media tanah air (baik media-cetak mahu pun media-elektronik) sejak bulan-bulan belakangan ini (walaupun ianya sudah cukup lama bertunas dan tumbuh subur di tengah kita) ialah gejala **'lumba haram motosikal'** di kalangan anak-anak muda kita, para remaja dan belia kita, yang secara leluasa dan hampir tak pernah rasa takut atau hampir lupa kepada wujudnya undang-undang. Kita ulangi: lumba haram motosikal, bukan lumba motosikal haram!

Motosikalnya halal, atau sebahagian besarnya halal kerana memiliki insuran perlindungan.

Memiliki cukai jalan (bagi motosikal berkuasa besar) atau memiliki pelekat berharga dua ringgit (bagi motosikal berkuasa kecil) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan. Jika pun masih ada ciri-ciri kurang halal hanyalah kerana ada antara motosikal itu yang diubah-suai tanpa kebenaran, menggunakan komponen-komponen tambahan dari motosikal lain yang didapatkan secara tidak betul, atau menggunakan insuran perlindungan palsu, termasuk lesen memandu palsu. Pokoknya, dalam banyak situasi dan kondisi, motosikal itu umumnya berstatus halal. Sebaliknya perlumbaan itulah yang haram. Ianya tidak berlangsung pada litar yang dibenarkan, selalu sahaja membawa imej dan mesej **'samseng'**, bukan sahaja mengganggu ketenteraman awam, malahan mengundang bahaya (bukan hanya bagi mereka, malahan juga kepada) pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Sebenarnya istilah **'lumba haram'** bagi penunggang motosikal ini agak rambang dan umum, kerana tidak sedikit dari perlakuan penunggang-penunggang motosikal yang terkeluar dari etika pemanduan sejati itu sesungguhnya bukanlah sedang **'berlumba'**, sebaliknya sekadar menunggang - bersuka-suka kerana boleh menunggang dengan laju, melanggar segala aspek undang-undang dan tidak peduli langsung kepada rasa sakit hati **'orang lain'** - sama ada orang lain itu sesama pengguna jalan raya, atau pun orang lain itu adalah mereka yang mendiami rumah-rumah di tepi jalan raya!

Yang menimbulkan tanda-tanya kita ialah bagaimana kegiatan para penunggang motosikal ini begitu tersusun, seolah-olah satu organisasi yang ditata dan dijana, malahan didanai secara sistematik. Mereka dapat berkumpul pada satu-satu masa dan pada satu-satu

tempat dengan begitu tepat, dipimpin dan diarah untuk melakukan itu-ini secara teratur (bagi kegiatan mereka) dan pada satu saat begitu **'bersatu hati'** untuk menghadapi apa sahaja halangan. Kita tidak berasa hairan sekiranya aktiviti-aktiviti itu dibuat secara sah; seperti apa yang berlaku dan dilakukan oleh kelab-kelab pemilik motosikal berkapasiti besar. Umumnya, anggota kelab-kelab motosikal berkuasa tinggi itu melakukan kegiatan mereka secara legal, kerana mereka bukan sahaja memiliki persatuan yang sah dan berdaftar, tetapi juga berfondasi di atas dan dengan dana yang lumayan. Anggota-anggota mereka adalah **'orang kaya'** belaka.

Sebaliknya, dan inilah masalah paling mendasar, apabila kita sebut sahaja para pelumba haram (sebagaimana visualnya kerap kali ditayangkan di kaca TV kita), maka mereka adalah anak-anak muda yang umumnya bukanlah datang dari keluarga yang senang, yang juga mereka sendiri bukanlah pemilik harta atau pencari harta yang lumayan perolehannya saban bulan. Penampilan mereka tidak membuktikan mereka dari kalangan orang berada - walaupun mungkin saja seorang dua daripada mereka memang datang dari keluarga bermodal besar.

Kolum ini tidak akan mempertanyakan: mengapa mereka berlumba haram? Mengapa mereka menceburi kegiatan tak berfaedah itu? Sebaliknya kita hanya ingin melihat satu jalan keluar yang lebih baik buat mereka, tidak sekadar dengan mengejar memburu mereka, atau mencaci-cerca mereka dengan aneka macam panggilan negatif.

Tentulah ada sebab mereka berlumba haram. Jika mereka adalah penganggur, mereka barang kali sekadar ingin melepaskan rusuh risau mereka kerana tidak bekerja, kebetulan barang kali ada ransom bulanan dari ibu bapa untuk duit kopi. Jika mereka sudah bekerja, mereka barangkali sekadar tidak tahu bagaimana caranya untuk menghabiskan waktu melalui aktiviti-aktiviti positif. Dan yang selebihnya barang kali adalah mereka yang sudah terperangkap untuk merebut sekadar hadiah negatif yang (kalangan) mereka sendiri sediakan:



You 200  
000020

mungkin wang ringgit, mungkin dadah, mungkin juga bohsia, yang semuanya dapat digunakan atau menjadi **'kubang'** dan alat berseronok. Sebaliknya, jika kita masih mahu bertanya: apa yang mendorong mereka bermain seperti itu, jawapannya sangat mudah: kerana mereka memiliki motosikal dan kerana mereka diberi motosikal. Tanpa motosikal, mereka tak akan berlumba motosikal. Jika mereka diberi cangkul atau tajak, mereka tidak boleh berlumba motosikal. Jika mereka diberi perahu dan pukot, mereka tidak boleh berlumba motosikal. Di bendang dan di ladang, tidak ada litar lumba haram. Di sungai dan laut juga tidak ada litar seperti itu.

Tetapi mereka tercebur juga ke sikit lumba haram itu kerana mereka boleh mendapatkan motosikal, kerana mereka senantiasia dibekalkan dengan motosikal, kerana mereka dapat melipatgandakan kuasa-pecut motosikal mereka. Sebabnya kerana mereka terpengaruh kepada keadaan dan persekitaran. Kerana mereka berasa iri melihat orang lain bebas terbang di atas pelana dan hendal motosikal.

Cara mereka mendapatkan motosikal juga aneka macam taktik. Membeli memang dikira okey, tapi tidak mustahil mereka mencuri, membeli motosikal curi dengan harga murah, lalu memadamkan identiti asal, memalsukan pelbagai pengenalan motosikal itu sehingga seolah-olah menjadi hak-mutlak mereka. Mereka juga mencuri motosikal untuk mendapatkan macam-macam komponen bagi menguatkan kuasa kuda enjin motosikal mereka. Untuk semua kegiatan itu mereka mendapat kerjasama, bahkan dibantu oleh sindiket tertentu, termasuk oleh pengusaha-pengusaha bengkel kenderaan.

Begitulah, apabila yang seorang sudah ada motosikal, yang seorang lagi pun ingin memilikinya juga. Bertambah seorang ke seorang, maka pada akhirnya, sesaklah jalan raya dengan motosikal milik kalangan orang seperti itu. Mereka berkonvoi tanpa tujuan. Mereka sengaja buat bising deruman enjin motosikal mereka di kawasan perumahan. Mereka bermain pecutan di jalan-jalan yang sesak dengan kenderaan lain. Mereka merubah bentuk kota raya dan bandar sebagai kandang sarkas. Dan akhirnya mereka berlumba haram dengan gaya yang tak mampu dilakukan oleh para pelumba di Litar F-1 Sepang. Selajumlahu motosikal besar Polis Trafik belum berjaya memintas motosikal para pelumba haram itu!

Apatah **'gerakan'** mereka cukup padu. Mereka seperti bersumpah sehidup semati. Halangan dilepasi bersama. Ancaman dihadapi bersama. Sekali ada pihak yang boleh dianggap mencabar atau boleh membahayakan mereka, musuh itu akan diganyang dan dikeronyok bersama.

Maka benarlah apa yang dilaporkan oleh media elektronik kita. Lumba haram motosikal di bandar-bandar, di pekan-pekan, di kawasan-kawasan perumahan, di pinggir kota, telah menjadi sindrom yang kian menular dan sangat menakutkan! Segala adab dan budi telah diterbangkan oleh asap dari cerobong ekzos motosikal. Tak perlu lagi berfikir tentang keselesaan orang lain. Tak perlu lagi mendengar jerit-kecewa orang lain. Tidak peka lagi dengan nasihat orang lain, dengan kebimbangan orang lain. Bahkan sambil mendabik dada, mereka akan menyanggah: Ini hobi kami. Ini aktiviti kami!

Bukannya motosikal kamu. Bukan minyak kamu! Pecah lutut, lutut kami. Pecah kepala, kepala kami. Patah tangan, tangan kami. Hancur muka, muka kami!

Begitu mereka menganga balik. Lalu sekali terperangkap dalam sekatan Polis atau JPJ, sekali didakwa dan diheret ke mahkamah, ketika itu kami hilang taring. Yang buat salah memang kami, yang bayar denda mak bapak kami!

Tapi jangan pula mengira bahawa sindrom sedemikian hanya berlaku di kota-kota besar atau di bandar-bandar utama sahaja. Sejak sekian lama, pekan-pekan kecil dan kampung-

kampung juga turut digeger-gemparkan oleh ekzos motosikal, yang bukan saja melengking-menjerit macam luncuran roket, malahan kadang-

kadang sengaja dibuat berdentum-dentum macam petir halilintar. Maka situasi lumba haram, atau sengaja memecut laju motosikal secara berkumpulan tidak sedar membuatkan orang kota jadi trauma, bahkan orang kampung juga jadi sakit telinga sakit hati. Yang di siang boleh tahan juga, tapi yang waktu senja terasa sangat biadab. Yang tengah malam lebih haru lagi. Tak kira depan masjid, depan klinik depan hospitaal, depan sekolah atau depan asrama, semuanya dianggap litar mereka belaka. Maka itulah sesekali akan meluncur juga sumpah seranah dari mulut orang tua: setan laknat mana pecut motosikal macam pelesit! Patah tengkuk baru tau! Lalu, berkat lidah orang tua, masin liur orang tua, tengkuk boleh patah; lidah boleh putus! Satu sumpah mungkin tak berkesan. Seribu sumpah akan menjadi kenyataan.

Tinggal lagi ada satu perbezaan antara suasana kota dengan suasana kampung. Di kota besar atau di bandar-bandar utama, yang menunggang motosikal macam hantu adalah remaja-remaja yang sudah agak berusia, sesekali disertai oleh orang dewasa yang berlagak muda. Tetapi di kampung-kampung, orang dewasa menunggang macam naik keldai saja. Yang melesit laju itu adalah para remaja, dan lebih luar biasa kadang-kadang yang belum bersunat pun sudah pandai menunggang motosikal, bahkan sudah pandai berlumba.

Letak punggung atas pelana, kaki belum mampu pijak bumi, tapi sekali dapat motosikal, gayanya macam beruk di muncung jet. Lebih menghanguskan hati ialah apabila terdapatnya kalangan gadis-gadis remaja yang turut menunggang motosikal dalam kadar yang laju, barang kali kerana terikut-ikut peri-aksi orang lair.

Bayangkan, yang baru berusia lapan tahun, sudah pancing pekan, masuk kampung keluar kampung, melenggang lengkok memotong kenderaan lain. Berboncong lagi. Tentu saja tak ada lesen, pakai topi keledar. Yang membuatkan kita jadi panik apabila kita dapati ada ibu bapa yang sekadar ketawa dan tersengih menyaksikan anak-anak **'bermain'** motosikal demikian. Usahkan hendak menghalang, melarang dan memberi peringatan pun tidak. Dan salah laku-salah laku lain pun turut menggejala. Bermotosikal berdua-duaan, laki-laki perempuan keliling pekan keliling kampung. Hari-hari tertentu bermotosikal secara berkumpulan, sepuluh remaja laki-laki, lima remaja perempuan, entah berkelah ke pantai, entah berkhemah dalam hutan, entah membuat maksid di kawasan air terjun!

Maka bertambahlah cerita-cerita dan gejala-gejala salah laku para remaja kita. Sudahlah kita bengang dengan pengangguran, kita pun jadi sakit mata melihat remaja kita yang lepak-lepak di sana, lepak-lepak di sini, yang pantang terbuka ruang, pantas pula ambil kesempatan untuk lipat mangsa.

Makanya lagi tercutuslah suara: barang kali elok kalau dibuka dan disediakan litar-litar lumba di serata daerah, memberi ruang kepada pelumba-pelumba haram itu menunjukkan kehandalan mereka. **Respon** kepada saranan itu adalah pertanyaan balas: betulkah apabila dibuka sebanyak mungkin litar lumba sampai ke kampung-kampung, para remaja kita tidak lagi akan berlumba haram? Apakah litar-litar seumpama itu akan dimanfaatkan sewajarnya?

Ruangan-ruangan forum dan surat pembaca akhbar-akhbar nasional kita pernah menimbulkan isu ini. Sekian banyak pro dan kontra telah diutarakan. Dan apa yang dapat kita rumuskan dari semua itu ialah: Kendati dibuka seribu litar, para pelumba haram tetap berlumba haram. Mereka berlumba haram bukan untuk muncul sebagai juara, bukan untuk menguji siapa mampu menunggang paling laju, sebaliknya mereka berlumba haram kerana mereka seronok berbuat sesuatu yang **ilegal**, yang bercanggah dengan undang-undang. Mereka tidak akan seronok kalau berlumba secara halal. Dengan kata lain, berlumba haram itu sudah jadi penyakit, sama seperti penyakit lepak. Oleh yang demikian kita pun tidak nampak bahawa andai kata dibuka seribu litar sekali pun, andai kata dianjurkan seribu perlumbaan halal sekali pun, para pelumba haram tidak lagi akan berlumba secara haram. Yang mereka suka adalah haramnya itu, bukan



yang kita kata halal. Tinggal lagi, tentulah tidak wajar gejala ini dibiarkan begitu sahaja. Bahkan tidak cukup sekadar adanya penguatkuasaan untuk menghalang aktiviti mereka. Sebaliknya para remaja (dan orang dewasa) yang ketagih berlumba haram ini mesti didekati dan mesti ditarik masuk ke dalam satu program membina jati diri mereka. Kebetulan Program Khidmat Negara (PKN) sudah pun bermula; dengan tujuan pokok untuk menanam semangat cintakan negara (*patriotisme*) di kalangan remaja kita, sekali gus sebagai usaha mendidik dan memberikan motivasi bagaimana untuk nanti menjadi warga berguna kepada keluarga, kepada masyarakat, kepada bangsa dan kepada negara. Secara tersirat, ianya juga mampu untuk menghindarkan para remaja kita daripada terpengaruh kepada apa jua gejala negatif.

Program seumpama PKN ini sepatutnya sudah bermula lama dulu, misalnya selepas saja kita merdeka, dan memastikan penyertaannya merata antara semua kaum. Ianya boleh menjadi landasan terbaik untuk memupuk intergrasi, interaksi dan muhibbah antara-ras di Malaysia. Dari aspek patriotistik dan bertanggungjawab terhadap negara, ianya boleh menjadi pemangkin bagaimana segala rupa perbuatan mungkar tidak akan diiktiraf oleh bangsa. Bekal terbaik dan ubat paling mujarab untuk membina manusia baru. Thailand dan Singapura terbukti telah berjaya dengan program seperti itu.

Tetapi tentu masih ada segi-segi yang patut diberi suntikan cadangan. Benar bahawa semuanya baru bermula, dan seperti biasa, setiap yang baru akan ada kurang dan lemahnya. Contoh mudah ialah pengambilan para peserta. Hampir keseluruhan peserta yang dikerah ke PKN itu adalah pelajar-pelajar usia lapan belas tahun yang baru mengambil peperiksaan SPM akhir tahun lepas, dan sedang menunggu keputusan. Pada umumnya, awal tahun seperti ini adalah masa-masa kritikal dan sangat sensitif bagi mereka. Ini adalah satu masa transisi. Setelah lima tahun bergelumbang dengan persekolahan menengah, inilah masa untuk berehat menikmati masa santai mereka. Inilah juga masa untuk mereka duduk sebentar bersama keluarga (apatah lagi kalau selama belajar mereka tinggal di asrama).

Dalam keadaan lain, barang kali inilah juga masanya untuk mereka membantu keluarga, atau untuk menjelajah sanak saudara. Bahkan pada saat-saat borang-borang kemasukan ke Program Matrikulasi dan IPTA telah mula dijual dan patut diisi, itu jugalah waktunya mereka perlu duduk berhadapan dengan ibu bapa, berbincang dan mencari alternatif terbaik untuk masa depan mereka.

**Maka timbullah pertanyaan: mengapa pelajar-pelajar seumpama itu yang diborong ke PKN?**

Tentulah banyak antara mereka merupakan para pelajar cemerlang, yang tidak ada sebarang masalah, yang sedia rela sejak semula menjadi patriot.

Lalu, apabila kita teringat kepada para pelumba haram motosikal kita, para mat lepak dan mek lepak kita, para ganggur kita, yang puluhan ribu di seluruh negara asyik membuat bising, asyik berkumpul di

kaki lima atau perkarangan pasar

raya, kita sekadar ingin bertanya:

kenapa tidak kita cukup sahaja

mereka lalu dikerah masuk ke

PKN? Tak kira berapa usia

mereka, PKN boleh menjadi

lapangan alternatif bagi

mereka. Bijaksanakah untuk

terus membiarkan mereka di

dalam kancah negatif itu?

Tidakkah masih ada

pertanggungjawaban besar

lain antara kita untuk

memandu mereka? Atau kita

sekadar ingin berkata: 'Ah,

yang dah lepas, lepaslah...'


ini yang akan datang...'

Pada jika mereka kita

masuk ke PKN, kita tentu belum terlewat untuk mendapatkan bakti mereka. Tiga bulan dalam PKN akan menjadi satu tempoh mendidik-diri yang terbaik. Tiga bulan dalam PKN akan membuka mata hati mereka ke arah menjadi manusia bertanggungjawab. Sekeluar dari PKN, mereka boleh dipandu untuk masuk ke mana-mana bidang kerjaya: ke kilang-kilang, ke pasukan beruniform, ke bendang (sebagai petani tulen) atau ke laut (sebagai nelayan berilmu). Sekurang-kurangnya ini patut diperhatikan. Bahkan kalau pun pelajar-pelajar yang baru habis SPM masih hendak dilibatkan, kita tidak boleh memejam mata terhadap kewujudan para mat motor dan pak lepak mak lepak kita itu. Setiap mereka patut diberi kesempatan untuk menerima motivasi. Tinggal lagi, barang kali dalam pelaksanaannya, yang baru habis SPM tidaklah patut diletak bersama dengan para penganggur yang sudah jauh lebih berusia itu. Kita tidak mahu pula timbul cerita buli-membuli.

Seperkara yang lain ialah, pengambilan pelajar-pelajar yang baru habis SPM itu sepatutnya lebih banyak ditumpukan kepada pelajar-pelajar yang sedia bermasalah di sekolah. Dapatkan maklumat dari pihak sekolah dan minta sekolah calonkan pelajar-pelajar yang pantas dikerah ke PKN. Yang terbukti bakal segera memasuki Program Matrikulasi dan IPTA, biarkan mereka dengan hala tuju mereka. Sebaliknya yang tidak pernah berfikir tentang hala tuju itulah yang patut diberi petunjuk.

Dan untuk semua itu, kerjasama ibu bapa sangat-sangat diperlukan! Inilah waktunya untuk melaksanakan hikmah pepatah: sayangkan anak tangan-tangankan! Dalam zaman moden ini, bukanlah ditangan-tangankan, tetapi diberi ruang untuk melatih diri menjalani kehidupan penuh disiplin dan penuh harapan, walaupun harus berpisah jauh dari keluarga, harus hidup di dalam khemah, makan nasi kawah, tidak boleh lagi hisap rokok, tidak boleh lagi main video dan internet... dan terutama tidak boleh lagi main lumba haram motosikal!



**Fuh! lega! lega!...  
dapatlah aku rileks sikit!  
Semoga Mat Rempit akan  
berubah, setidaknya  
jadilah Mat Masjid ke  
atau pun Mat Surau!**